Publication: Berita Harian, p 02 Date: 12 July 2017 Headline: Shanmugam: Discover the challenges in the legal industry

Shanmugam: Ketahui cabaran dalam industri undang-undang

KETAHUI cabaran dan peluang di dunia dan bersedia menyesuaikan diri mengikut perubahan, kata Menteri Undang-Undang K. Shanmugam semalam. "Undang-undang tidak beroperasi sendiri...

ia adalah satu khidmat bantuan," kata beliau ke-pada 143 lulusan Sarjana Muda Undang-Un-dang dan 36 graduan Doktor Juris daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) di majlis

konvokesyen pertamanya tahun ini. Ekonomi dan industri undang-undang Singapura telah maju, namun cabaran dalaman dari segi demografi dan saiz serta persaingan luaran dari seluruh rantau ini bererti "kita perlu bekerja lebih keras untuk mendapat kerja guaman", kata Encik Shanmugam.

Misalnya, industri undang-undang kini berdepan dengan persaingan daripada bidang kuasa dan teknologi kos rendah, kata beliau. "Semua ini memerlukan kita sentiasa bersiap sedia, bagi pemerintah dan industri bekerjasa-

ma. "Anda akan perlu membangunkan pemahaman lebih mendalam tentang undang-undang dan sistem perundangan negara lain dalam ran-tau kita," kata beliau lagi.

Encik Shanmugam turut melakarkan usaha yang dibuat bagi mempertingkat sektor un-dang-undang Singapura, termasuk menjadikan Singapura sebagai sebuah hab penyelesaian pertikaian dan pusat antarabangsa bagi penstruktu-ran semula hutang. Beliau menambah bahawa ini adalah "jenis

bidang di mana mutu minda masih penting⁵. Majlis konvokesyen SMU diadakan di kam-

pusnya buat kali pertama di bangunan Sekolah

Undang-Undang yang dibuka awal tahun ini. Kelas 2017 universiti itu merupakan kohort

lulusannya yang ke-14 dan terbesar. Lebih 2,700 graduan akan menerima ijazah mereka hingga Jumaat. Pengerusi SMU Ho Kwon Ping berkata para

lulusan akan memulakan kerjaya mereka pada masa apabila perubahan besar berlaku dalam landskap pekerjaan.

"Penyelidikan undang-undang akan dilaku-kan oleh enjin pencarian canggih dan algoritma (proses peraturan) kecerdikan buatan, dan meninggalkan hanya mereka yang mempunyai min-da undang-undang paling kreatif, adaptif dan berfikiran ke hadapan dengan sebahagian masa yang terhad, untuk mencipta keunikan tentang keupayaan mereka yang tidak boleh ditukar ganti," kata Encik Ho.